

Perayaan Kenderaan Terapung: Gunakan Alternatif yang Lebih Mesra Alam Sebagai Ganti Plastik

Exco Perumahan dan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Penang Green Council (PGC), Majlis Hindu Sangam Malaysia Negeri Pulau Pinang (MHSPSC) dan pengurusan Kuil Sri Singamuga Kaliamman di Teluk Bahang menggesa penganut Hindu supaya tidak menggunakan sebarang jenis bahan busa atau plastik sintetik semasa sambutan *Masi Maga Theppa Thiruvizha*, perayaan kenderaan terapung, yang disambut pada 2 Mac 2026 di Teluk Bahang, Pulau Pinang.

Perarakan Kenderaan Terapung Tahunan, yang disambut di Kuil Singamuga Kaliamman yang berusia 120 tahun di Teluk Bahang, merupakan perayaan tepi laut yang menarik ribuan penganut. Sebuah kenderaan terapung, dihiasi dengan lampu dan bunga yang membawa dewa kuil, akan dibawa melawat laut semasa perayaan ini.

Secara tradisinya, beribu-ribu penganut memasang lampu seperti tanglung berhias untuk terapung di laut selepas membuat hajat semasa lawatan kenderaan terapung ini. Lampu berhias ini biasanya dipasang pada bahan styrofoam dan polistirena kerana beratnya yang ringan dan keupayaan untuk terapung. Ia jugabergerak dengan mudah di atas air.

Pada masa lalu, ratusan bahan berasaskan busa sintetik ini dilihat terapung di laut sehari selepas perarakan. Bahan busa dan plastik adalah pencemar laut utama yang mengancam ekosistem marin. Ini kerana styrofoam dan polistirena tidak boleh terbiodegradasi dan tidak boleh pecah kepada kepingan yang lebih kecil. Ia menyebabkan tersilap makan kerana dianggap sebagai makanan oleh hidupan laut seperti ikan dan penyu yang boleh mencederakan atau membunuh haiwan ini.

Bagi mengelakkan pencemaran marin dan kesan buruk terhadap hidupan marin, Kerajaan Negeri Pulau Pinang, CAP, PGC, MHS dan pengurusan kuil merayu kepada penganut supaya tidak menggunakan Styrofoam atau sebarang jenis polistirena atau bahan berasaskan plastik untuk membuat tanglung.

Lampu minyak semula jadi pada batang pisang boleh digunakan. Kira-kira dua hingga tiga dekad lalu, lampu ini dipasang pada lapisan batang pokok pisang, yang merupakan pilihan yang lebih baik kerana ia bukan sahaja terapung dengan baik tetapi juga terbiodegradasi di dalam laut.

Pengurusan kuil telah mempromosikan alternatif mesra alam ini sejak beberapa tahun lalu dan tahun ini sekali lagi kuil mengatur alternatif mesra alam.

Oleh itu CAP, bersama-sama kerajaan Negeri bagi perumahan dan alam sekitar, PGC, MHS dan pengurusan kuil, menggesa penganut untuk mencari alternatif yang lebih selamat dan mesra alam seperti pinggan yang diperbuat daripada upih pokok pinang, sekam padi dan batang pokok pisang untuk mengapungkan lampu.

Memandangkan perayaan itu adalah untuk berterima kasih kepada Tuhan, Alam Semulajadi dan laut atas rezeki yang disediakan, maka sewajarnya pendekatan mesra alam diambil untuk menjadikan perayaan itu lebih bermakna.

YB Dato Seri Sundarajoo Somu
Exco Perumahan dan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang

N.V.Subbarow
Pegawai Pendidikan dan Penyelaras Kempen,
Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP)

Josephine Tan Mei King
Pengurus Besar
Penang Green Council (PGC)

Viveka Ratna Tharman Anandan
Pengerusi
Majlis Hindu Sangam Malaysia Negeri Pulau Pinang (MHS)

A. Kanabathy
Pengerusi
Kuil Sri Singamuga Kaliamman Teluk Bahang